



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**PENGARUH DISIPLIN MURID DAN SUASANA KERJA: SATU  
KAJIAN KES PERSEPSI GURU TERHADAP MOTIVASI KERJA DI  
SEBUAH SEKOLAH MENENGAH DI HULU LANGAT SELANGOR**

**IDRIS BIN KADIR**

**FPP 1998 53**

**PENGARUH DISIPLIN MURID DAN SUASANA KERJA: SATU KAJIAN KES  
PERSEPSI GURU TERHADAP MOTIVASI KERJA DI SEBUAH SEKOLAH  
MENENGAH DI HULU LANGAT SELANGOR**

**IDRIS BIN KADIR**

**MASTER SAINS  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**1998**



**PENGARUH DISIPLIN MURID DAN SUASANA KERJA: SATU KAJIAN KES  
PERSEPSI GURU TERHADAP MOTIVASI KERJA DI SEBUAH SEKOLAH  
MENENGAH DI HULU LANGAT SELANGOR**

**OLEH**

**IDRIS BIN KADIR**

**Projek penyelidikan ini disediakan sebagai memenuhi sebahagian syarat Ijazah  
Master Sains (Psikologi Pendidikan) di Jabatan Pendidikan, Fakulti Pengajian  
Pendidikan, Universiti Putra Malaysia.**

**DECEMBER 1998**



## Penghargaan

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Selawat dan Salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. Alhamdulillah bersyukur saya kehadiran Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan rahmatNya dapat jua akhirnya saya menyiapkan kertas projek penyelidikan ini.

Projek penyelidikan ini mungkin tidak dapat saya siapkan tanpa bantuan dan tunjuk ajar daripada pelbagai pihak. Oleh itu dengan rasa kesyukuran kepada Allah SWT dan rasa rendah diri, saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk merakamkan penghargaan ikhlas kepada penyelia saya Prof. Madya Dr. Habibah bt. Elias yang telah membimbing dan memberi tunjuk ajar kepada saya dalam menyiapkan projek penyelidikan ini. Kesudian beliau melapangkan masa, memberi nasihat, panduan dan teguran kepada saya dalam menyiapkan projek penyelidikan sangat saya sanjungi dan hargai.

Ucapan penghargaan dan terima kasih ini juga saya hulurkan kepada Dr. Main bin Hj. Salimon yang bersusah payah dan banyak memberi pertolongan kepada saya dalam bentuk pengetahuan, pandangan dan galakan dalam menyiapkan projek ini. Tidak lupa juga saya ingin menyampaikan ucapan penghargaan dan ribuan terima kasih khususnya kepada Tuan Hj. Azali bin Mahbar yang banyak meminjamkan buku-buku, artikel, risalah dan memberi panduan kepada saya, juga Dr. Majid Konteng dan Prof. Madya Dr. Othman bin Dato' Hj. Mohamad di atas kerjasama, pandangan, nasihat dan sumbangan ilmu pengetahuan yang disampaikan.

Di samping itu ucapan terima kasih tidak terhingga saya hулurkan kepada Tuan Pengetua sekolah menengah yang terlibat kerana memberikan kebenaran dan kerjasama yang amat penting ketika saya sedang menjalankan penyelidikan. Terima kasih juga saya hулurkan kepada semua guru yang sanggup meluahkan masa menjawab soal selidik untuk kajian saya ini walaupun tidak semua yang mengembalikan soal selidik kepada saya.

Ucapan penghargaan paling istimewa saya sampaikan kepada ibu saya Samsinah bt. Salimin yang banyak memberikan keyakinan dan sokongan semasa pengajian saya dan Allahyarham ayahanda saya Kadir bin Jimat yang tidak sempat melihat kejayaan saya ini kerana telah pergi ke Rahmahtullah di saat saya berada dalam pengajian ini. Semuga Roh beliau dicucuri rahmat oleh Allah SWT.

Tidak lupa juga penghargaan khusus buat isteri tercinta Ummuha bt. Mohamad yang banyak berkorban dan memberi dorongan serta inspirasi kepada saya sehingga dapat saya menamatkan pengajian ini dengan jayanya dan juga penghargaan untuk anak-anak ayah yang tersayang iaitu Alya Nabihah dan Ammi Afiqah.

Akhir sekali kepada semua pihak yang terlibat dalam memberi bantuan kepada saya yang tidak dapat saya sebutkan disini. Terima kasih saya ucapkan.

Semuga semua bantuan dan doa yang diberikan kepada saya dalam menyiapkan kertas projek penyelidikan ini mendapat balasan yang sewajarnya daripada Allah SWT.

## DAFTAR KANDUNGAN

	Muka Surat
<b>PENGHARGAAN</b> .....	iv
<b>KANDUNGAN</b> .....	vi
<b>SENARAI JADUAL</b> .....	ix
<b>ABSTRAK</b> .....	xi
<b>ABSTRACT</b> .....	xiii
<b>BAB</b>	
<b>1 PENDAHULUAN</b> .....	1
Latar Belakang Kajian .....	7
Pernyataan Masalah .....	9
Objektif Kajian .....	11
Kepentingan Kajian .....	12
Definisi Istilah .....	14
Pengaruh .....	14
Disiplin Murid .....	15
Suasana Kerja .....	16
Kajian Kes .....	16
Persepsi .....	17
Motivasi Kerja .....	17
Skop dan Limitasi Kajian .....	18
<b>BAB</b>	
<b>11 SOROTAN KAJIAN LEPAS</b> .....	19
Pengenalan .....	19
Kes-Kes Disiplin Murid .....	19
Pengaruh Disiplin Murid Terhadap Motivasi Guru.....	27
Pola Suasana Kerja .....	34
Pengaruh Suasana Kerja Terhadap Motivasi Guru .....	38
Aplikasi Pendekatan Teori Motivasi .....	44
i. Teori Motivasi Keperluan Maslow .....	44
ii. Teori Equiti .....	46
iii. Teori Motivasi Jangkaan Vroom .....	48
iv. Teori Perkembangan Kerjaya Holland .....	51



**BAB**

<b>111 METODOLOGI KAJIAN .....</b>	<b>54</b>
Pengenalan .....	54
Rekabentuk Penyelidikan .....	54
Rangka Kerja Konseptual .....	55
Tempat Kajian .....	56
Subjek kajian .....	57
Instrumen Kajian .....	57
Prauji Soalselidik .....	59
Pengumpulan Data .....	59
Analisis Data .....	60

**BAB****1V HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Pengenalan .....	65
Maklumat Responden .....	65
Objektif Kajian	
Disiplin Murid Secara Umum .....	67
Perbezaan Pendapat Guru Lelaki Dan Guru Perempuan Mengenai Tingkah Laku Negatif Murid.....	72
Perbezaan Pendapat Guru Lelaki Dan Guru Perempuan Mengenai Perhatian Murid Yang Positif .....	75
Dapatan Tentang Perbezaan Pendapat Guru Lelaki dan Guru Perempuan Mengenai Suasana Kerja .....	78
Persepsi Hubungan Antara Motivasi Guru Dengan Tingkah Laku Murid Yang Negatif .....	82
Persepsi Hubungan Antara Motivasi Guru Dengan Perhatian Murid Positif .....	83

**Muka Surat**

Persepsi Hubungan Antara Motivasi Guru Dengan Suasana Kerja Yang Positif .....	84
--	----

**BAB**

<b>V RINGKASAN, KESIMPULAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN KAJIAN .....</b>	<b>86</b>
---	-----------

Pengenalan .....	86
------------------	----

Ringkasan Hasil Kajian .....	86
------------------------------	----

Kesimpulan .....	87
------------------	----

Implikasi dan Cadangan .....	88
------------------------------	----

Cadangan Kajian Lanjut .....	90
------------------------------	----

Bibliografi .....	92
-------------------	----

**LAMPIRAN**

A. Soal Selidik Kajian .....	103
------------------------------	-----

B. Surat Kebenaran Perpustakaan UPM .....	109
---	-----

C. Surat Kebenaran Kementerian Pendidikan .....	110
---	-----

D. Surat Kebenaran Jabatan Pendidikan Negeri Selangor .....	112
---	-----





## SENARAI JADUAL

<b>Jadual</b>		<b>Muka Surat</b>
1	Kekerapan Pelanggaran Disiplin Sekolah .....	19
2	Aktiviti jenayah sekolah-sekolah menengah di Amerika 1976 .....	25
3	Rangka Kerja Konseptual .....	55
4	Taburan Tahap Kepuasan Mengajar Mengikut Dimensi Pengaruh Disiplin Murid .....	62
5	Taburan Tahap Kepuasan Kerja Mengikut Dimensi Suasana Kerja .....	63
6	Jantina Responden .....	65
7	Umur Responden .....	66
8	Pengalaman Mengajar Responden .....	66
9	Pendapatan (gaji) Responden .....	66
10	Pendapat Guru Secara Umum Tentang Tingkah laku Murid Yang Negatif Terhadap Tugas Mengajar .....	68
11	Pendapat Guru Secara Umum Tentang Perhatian Murid Yang Positif Terhadap Tugas Mengajar .....	71
12	Perbezaan Pendapat Guru Lelaki dan Guru Perempuan Mengenai Tingkah Laku Negatif Murid.....	73
13	Perbezaan Pendapat Guru Lelaki dan Guru Perempuan Mengenai Perhatian Murid Yang Positif .....	76

## Muka Surat

14	Taburan Tahap Motivasi Mengajar Guru Mengikut Dimensi Pengaruh Disiplin Murid .....	78
15	Peratusan Pendapat Guru Lelaki dan Guru Perempuan Mengenai Suasana Kerja .....	79
16	Taburan Tahap Motivasi Kerja Guru Mengikut Dimensi Suasana Kerja .....	81
17	Persepsi Hubungan Antara Motivasi Guru Dengan Tingkah Laku Murid Yang Negatif .....	82
18	Persepsi Hubungan Antara Motivasi Guru Dengan Perhatian Murid Yang Positif .....	83
19	Persepsi Hubungan Antara Motivasi Guru Dengan Suasana Kerja Yang Positif .....	84

Abstrak Projek Penyelidikan yang dikemukakan kepada Jabatan Pendidikan, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan untuk mendapat Ijazah Master Sains.

**Pengaruh Disiplin Murid Dan Suasana Kerja: Satu Kajian Kes  
Persepsi Guru Terhadap Motivasi Kerja di Sebuah Sekolah Menengah  
di Hulu Langat Selangor**

Oleh

**IDRIS BIN KADIR**

December 1998

Prof. Madya Dr. Habibah bt. Elias  
Fakulti Pengajian Pendidikan.

Kesukaran menghadapi masalah disiplin murid di sekolah dan suasana kerja yang tidak menyokong adalah punca menyebabkan guru tidak bersemangat untuk bekerja. Ini mempengaruhi secara negatif dan memberi kesan psikologikal kepada motivasi guru terhadap tugas mereka.

Maka objektif kajian ini ialah untuk mengkaji: (1) Persepsi guru lelaki dan perempuan tentang tingkah laku negatif murid; (2) Persepsi guru lelaki dan perempuan tentang perhatian murid yang positif; (3) Persepsi guru lelaki dan perempuan tentang pengaruh suasana kerja; (4) Persepsi guru tentang hubungan antara motivasi guru dengan tingkah laku negatif murid; (5) Persepsi guru tentang hubungan antara motivasi guru dengan perhatian murid yang positif dan; (6) Persepsi guru tentang hubungan antara motivasi guru dengan suasana kerja.

Subjek kajian terdiri daripada 82 orang guru iaitu 31 orang guru lelaki dan 51 orang guru perempuan di sebuah Sekolah Menengah Primbon di Hulu Langat, Selangor. Alat kajian yang digunakan untuk mengukur persepsi guru ialah soal selidik. Data dianalisis dengan menggunakan statistik diskriptif.

Keputusan kajian ini menunjukkan terdapat perbezaan pendapat yang signifikan antara guru lelaki dan perempuan terhadap murid yang bertingkah laku negatif. Keputusan menyokong bahawa murid yang bertingkah laku negatif menyebabkan guru tidak bermotivasi terhadap tugas mengajar. Keputusan kajian ini sebaliknya menunjukkan bahawa murid yang memberikan perhatian yang positif menyebabkan guru lelaki dan perempuan bermotivasi tinggi terhadap tugas mengajar. Kajian juga mendapati bahawa faktor suasana kerja yang positif menyebabkan guru lelaki dan perempuan bermotivasi tinggi. Keputusan kajian secara keseluruhan mendapati bahawa disiplin murid dan suasana kerja sangat berpengaruh terhadap motivasi kerja guru-guru.

Abstract of Research Project submitted in partial fulfillment of the requirements for the degree of master of science, Faculty of Educational Studies, Universiti Putra Malaysia.

**THE INFLUENCE OF STUDENTS DISCIPLINE AND WORK ENVIRONMENT: A CASE STUDY ON TEACHERS PERCEPTION TOWARDS WORK MOTIVATION IN A SECONDARY SCHOOL IN HULU LANGAT SELANGOR**

By

**IDRIS BIN KADIR**

**December 1998**

Prof. Madya. Dr. Habibah bt. Elias  
Faculty Of Educational Studies

Teachers are not motivated to work due to their inability to face student's discipline problems in school, which adversely influence and as a result psychologically affect teacher's motivation towards their work.

The objectives of the research are: (1) To study the perception of the male and female teachers regarding the negative behaviour of students; (2) To study the perception of the male and female teachers regarding the positive attention given by the students; (3) To study the perception of teachers regarding positive work conditions; (4) To study the relationship between the level of motivation of the teachers and the negative behaviour



of the students; (5) To study the relationship between teacher's level of motivation and the positive attention given by students; (6) To study the relationship between the teacher's level of motivation and positive work environment.

The subjects in this study comprises 82 teachers i.e. 31 male and 51 female teachers in Sekolah Menengah Primbun, Hulu Langat, Selangor. Descriptive Statistics were used to analyse the data. The results show that there is significant percentile difference in opinion between male and female teachers regarding the negative behaviour of students. The results support the claim that the negative behaviour of students was related to the motivation of teachers. The results show that student's attention was perceived to be related to teacher's motivation. The study also shows that positive work environment enables both gender to become motivated towards their work.

An general the results show that motivation level of the teacher's was related to student's discipline and work environment.

# BAB 1

## PENDAHULUAN

### Pengenalan

Guru sebagai pendidik memainkan peranan yang penting dalam pembentukan keperibadian murid-murid sekolah. Tugas seorang guru bukan sahaja sebagai pendorong, pembimbing, penggerak, pembentuk sahsiah, pentadbir, pengurus, pemudah cara, pengganti ibu bapa ( semasa murid-murid berada di kawasan sekolah ) dan penilai kepada murid-murid sekolah malah lebih daripada itu.

Ahmad (1991) menyatakan bahawa kejayaan Wawasan 2020 tidak dapat dipisahkan daripada pendidikan kerana kejayaan negara-negara maju pada hari ini dipengaruhi dan ditentukan oleh sistem pendidikannya. Dalam konteks ini, guru mempunyai tanggungjawab yang besar untuk melaksanakan tugas tersebut.

Kita tidak menafikan bahawa guru merupakan golongan yang bertanggungjawab untuk membela nasib anak bangsa. Bagi mencapai tujuan tersebut, guru mesti melengkapkan diri dengan segala pengetahuan dan kemahiran untuk melaksanakan tugas tersebut. Cabaran ini disambut dengan sembilan wawasan pendidikan,

1. Perpaduan
2. Stail Pengurusan
3. Perkhidmatan Penyayang
4. Pengupayaan
5. Sistem Pengesanan Yang Efektif

6. Budaya Ilmu
7. Sekolah Penyayang
8. Budaya Cemerlang
9. Ketiadaan Kegagalan (zero defect)

Untuk mencapai tujuan tersebut, Rahmat (1995) menyatakan bahawa matlamat pendidikan bukan hanya bergantung kepada guru tetapi mesti terdapat hubungan kerjasama daripada ibu bapa, masyarakat dan semua agensi pendidikan maupun bukan pendidikan. Kesepaduan ini hendaklah wujud dalam kombinasi suatu tanggungjawab yang besar dalam memberi kekuatan kepada tenaga guru dalam bentuk sokongan, bantuan, muafakat dan sumbangan kepakaran dalam mencapai wawasan pendidikan yang cemerlang.

Dalam kesibukan negara mengejar kemajuan dan pemodenan, masyarakat telah dipengaruhi oleh kebendaan dan mengejar kekayaan. Virus ini telah menyerang masyarakat dan perhatian masyarakat terhadap guru dalam membantu mengatasi masalah-masalah sosial remaja sekolah menjadi hambar. Justeru mendapati persoalan asas guru, persepsi guru, rintihan dan keluhan guru, penderitaan dan suara guru seakan-akan diketepikan. Keadaan ini jauh berbeza dengan peranan dan tugas guru di masa dahulu yang disanjung dan dihormati serta mendapat tempat di hati masyarakat.

Guru merupakan golongan yang paling banyak bertindak balas dengan murid-murid berbanding dengan pegawai lain di sekolah. Mereka turut menjayakan pengurusan dan pentadbiran kerja sekolah di samping usaha mereka di dalam bidang pengajaran. Dalam situasi tersebut, guru sering dilanda oleh masalah disiplin murid dan suasana



kerja. yang banyak memberi tekanan terhadap bidang tugas mereka. Keadaan tersebut boleh menjejaskan motivasi kerja di kalangan guru.

Sememangnya tugas dan tanggungjawab tersebut merupakan perkara biasa bagi bidang tugas seorang guru. Tetapi guru tidak akan mencapai kepuasan kerja jika mendapati masalah disiplin murid tidak terkawal dan juga dengan suasana kerja yang tidak memberi sokongan terhadap perkhidmatan mereka. Hassan Langgulung (1983), menyatakan bahawa guru sendiri dapat menunjukkan keupayaannya dan memuaskan banyak perkara apabila mendapati keperluan psikologikal dipenuhi melalui perkhidmatan yang dapat disumbangkannya.

Randall (1985) menyatakan bahawa hasil daripada kepuasan kerja akan dapat meningkatkan produktiviti dan menambahkan hasil pengeluaran bagi kepentingan semua. Pendapat Randall disokong oleh Abdillah (1997) yang menyatakan bahawa individu yang melakukan sesuatu pekerjaan biasanya mempunyai keinginan untuk mendapat kepuasan dalam bidang yang diceburi.

Maznah (1993) menegaskan bahawa keberkesanan guru memainkan peranannya bukan sahaja bergantung kepada kemahiran mengajar tetapi juga kepada perasaan guru terhadap kerjanya. Perasaan guru dalam bidang tugasnya dapat dilihat melalui tingkahlakunya dan ini bergantung kepada pengaruh yang diterimanya. Pengaruh yang di terimanya itu akan mengubah strategi yang telah disusun.

Masalah disiplin merupakan masalah kritikal dan sangat mempengaruhi mutu pengajaran dan mutu perkhidmatan perguruan. Menurut Maznah Ismail (1984), murid-murid yang mempunyai pengaruh disiplin yang baik diletakkan sebagai paling penting. Ini menunjukkan kawalan disiplin murid yang baik dapat memberi kekuatan pada diri

seorang guru. Guru lebih bersemangat dan berkeupayaan tinggi apabila mendapati murid-murid berkelakuan baik dan bersedia untuk belajar.

Pendapat tersebut telah dijelaskan oleh Hassan Langgulung (1983) yang menyatakan bahawa guru yang menunjukkan model yang baik seperti personaliti yang matang dan berwibawa tetapi dengan adanya masalah disiplin murid yang buruk boleh menimbulkan kesan psikologikal. Melalui undang-undang sekolah yang lemah, hubungan murid dengan guru semakin longgar dan ini boleh membawa kesan kurang motivasi di kalangan guru untuk bekerja dengan tahap kepuasan yang baik.

Menurut Razak (1994), guru bukan lagi menjadi model yang perlu diikuti dan didengar segala tunjuk ajarnya. Guru juga bukan lagi insan yang boleh dijadikan sumber inspirasi kerana guru tidak lagi boleh menjanjikan apa-apa dengan diberi ganjaran dan gelaran yang hebat. Guru tidak perlu didampingi dan bukan bintang pujaan yang boleh membentuk watak dan sahsiah keperibadiannya. Guru adalah semata-mata insan yang membebarkannya dengan pelbagai kerja rumah dan kerenah. Jika ditinjau hari ini terdapat ramai murid yang tidak menghormati dan menghargai jasa dan budi guru. Akhirnya kedatangan murid sekolah bukan sahaja membosankan dan menjemukan malah menimbulkan rasa kurang kepuasan di kalangan guru yang mengajar mereka.

Menurut Razak (1994), banyak kajian menunjukkan wujudnya pelbagai masalah disiplin murid di sekolah menengah seperti melakukan aktiviti jenayah, melanggar peraturan sekolah, berkelakuan lucu, mengganggu kelas pengajaran dan pembelajaran guru serta bersikap biadap terhadap guru.

Kesemua kes tersebut bukan sahaja melibatkan murid yang melakukan pelanggaran disiplin sekolah tetapi ibu bapa turut memainkan peranan utama

menyebabkan guru sekolah bermasalah. Ini dijelaskan oleh Rusnah (1994) yang menyatakan terdapat setengah-setengah ibu bapa datang menyerang guru kerana anak mereka dirotan. Ada pula yang melaporkan kepada pihak polis selepas tindakan disiplin pihak sekolah ke atas anak mereka. Tindakan ibu bapa ini sedikit sebanyak menyukarkan pihak sekolah untuk bertindak. Ibu bapa lebih percayakan kata-kata anak mereka daripada mempercayai kata-kata guru. Pada anggapan mereka anak mereka sahaja yang benar, guru tidak benar walaupun anak mereka terbukti telah melanggar disiplin sekolah.

Pendapat ibu bapa ini tidak disokong oleh Maseri (1994) yang menyatakan bahawa guru telah didedahkan dengan pelbagai latihan dan kursus. Namun mengawal masalah disiplin dengan menegur anak muridnya yang degil dan yang sentiasa melakukan kesalahan merupakan tanggungjawab guru. Tetapi perbuatan seorang guru tidak dihargai langsung malahan diherdik dan dikritik. Oleh itu timbul perasaan hampa di hati guru. Ini mengakibatkan guru hanya berkerja untuk makan gaji sahaja dan tidak lebih daripada itu.

Dengan demikian perlu diketahui sejauh manakah guru-guru dapat bertahan dengan memerah minda, menguatkuasakan disiplin murid dan tohmahan masyarakat sekiranya tugas seorang guru tidak difahami oleh masyarakat. Melalui persepsi guru kita akan mengetahui sejauh mana guru dapat menanggapi pengaruh disiplin murid yang ada hubungannya dengan prestasi murid, tingkahlaku murid dan perhatian murid terhadap motivasi guru yang berkerja sebagai pendidik di sekolah. Keadaan ini akan menentukan motivasi guru sama ada berbentuk positif atau negatif semasa mereka bertugas.

Dalam suasana kerja terdapat faktor-faktor yang berkaitan dengan amalan sistem pentadbiran, rakan sekerja, pendapatan, keperluan kebajikan, keselamatan, jaminan, autonomi dan sebagainya yang boleh mempengaruhi ke atas prestasi guru berkerja.

Sikap positif atau negatif di kalangan guru akan terbentuk melalui pengaruh yang diterima dalam suasana kerja sama ada memberikan kepuasan atau tidak. Ini akan menentukan kesan terhadap perubahan dalam motivasi kerja.

Menurut Robbins (1978), kepuasan kerja ialah sikap individu terhadap perkerjaannya. Seseorang yang mempunyai sikap yang positif terhadap perkerjaannya akan mempunyai tahap kepuasan kerja yang tinggi, manakala individu yang mempunyai sikap yang negatif terhadap perkerjaannya akan mendapat kepuasan kerja yang rendah. Pendapat ini telah disokong oleh Randall (1985) yang menyatakan bahawa hasil daripada kepuasan kerja ini akan dapat meningkatkan produktiviti dan menambahkan hasil pengeluaran bagi kepentingan semua.

Ini menunjukkan bahawa apabila suasana kerja dapat memberikan kepuasan dalam perkhidmatan, maka nilai-nilai positif akan membentuk arah motivasi yang tinggi dan meningkatkan produktiviti kerja.

Masalah perubahan sikap yang terbentuk daripada diri seseorang adalah berpunca daripada pengaruh persekitaran. Pengaruh tersebut juga dapat menjejaskan personaliti seseorang. Menurut Allport (dalam Robiah Sidin, 1994), personaliti ialah gabungan sistem psikologikal dan fizikal dalam diri seseorang individu. Sikap, tabiat, nilai, emosi, kepercayaan sentimen dan motif adalah termasuk dalam sistem psikologikal dan fizikal seseorang. Justeru itu kesemua aspek tersebut juga mengalami perubahan apabila individu telah dipengaruhi oleh persekitarannya.

Dengan ini pengaruh disiplin murid dan suasana kerja merupakan faktor penting yang harus dikaji bagi mengesan sejauh mana kebenarannya serta mengenal pasti masalah sebenar yang dipersepsikan oleh guru-guru untuk mengetahui keperluan dalam

motivasi kerja mereka. Kenyataan tersebut akan dapat membekalkan asas untuk mengambil tindakan dalam penyelesaian masalah.

### **Latar belakang Kajian**

Motivasi kerja merupakan salah satu pembolehubah yang sangat mempengaruhi kerja seseorang. Apabila terdapat unsur-unsur yang tidak sihat dalam hubungan kerja seseorang, kemungkinan kerja yang dilakukan itu berada pada tahap motivasi yang rendah.

Teori keperluan Maslow menunjukkan pada diri manusia terdapat keperluan-keperluan seperti keperluan asas / fisiologi, keperluan psikologi dan keperluan kesempurnaan sendiri. Keperluan asas ialah keperluan fisiologi seperti makan, minum, seks dan keselamatan. Keperluan psikologi ialah perasaan kasih sayang, harga diri, penerimaan dan sebagainya. Manakala keperluan kesempurnaan sendiri ialah satu tahap pencapaian yang sudah memenuhi segala impian dalam kehidupan seseorang.

Sebagai manusia biasa guru juga menjadikan keperluan sebagai pendorong untuk berkerja. Faktor-faktor yang difikirkan sebagai pendorong bagi guru berkerja ialah berkaitan dengan faktor suasana kerja seperti pendapatan, otonomi, amalan pentadbiran, pengiktirafan dan pekerjaan itu sendiri. Begitu juga hubungannya dengan faktor disiplin murid seperti tingkahlaku dan perhatian murid yang boleh menjadi pendorong kepada guru.

Galloway (1985) melalui kajiannya tentang sumber-sumber kepuasan dan ketidakpuasan (sources of satisfaction and dissatisfaction) bagi guru-guru sekolah rendah

di New Zealand, telah mengklasifikasikan aspek-aspek di mana sebahagian besar guru merasa puas iaitu:

1. Hubungan guru dengan murid berjalan dengan baik.
2. Hubungan dengan guru-guru lain.
3. Hubungan dengan staff senior sekolah.
4. Tingkat prestasi murid di kelas.
5. Perilaku murid secara umum di dalam kelas.

Ketidakpuasan guru pula sebahagian besar menunjukkan perkara seperti berikut:

1. Disiplin buruk daripada murid-murid.
2. Metod yang digunakan dalam mempromosikan guru.
3. Kurang kesempatan mengikuti pendidikan semasa dalam perkhidmatan.
4. Faktor-faktor yang digunakan dalam menentukan gaji.
5. Status guru di mata masyarakat.
6. Hubungan rakan sekerja dalam bentuk kerjasama.
7. Masalah kelengkapan kemudahan sekolah.

Menurut Ibrahim Bafadal (1992), motivasi kerja guru boleh berada pada tahap yang tinggi atau rendah. Guru yang memiliki motivasi kerja yang tinggi akan memiliki kemahuan yang tinggi dan menjalankan tugas dengan kesungguhan. Ini akan menghasilkan produktiviti yang meningkat.

Clara (1991) menyatakan guru yang menghadapi konflik situasi akan mempunyai konsep diri yang negatif dan mengalami kesukaran emosi dan sosial dalam melaksanakan tugasnya di sekolah.

Masalah disiplin murid dan suasana kerja merupakan faktor yang sangat mempengaruhi kesan psikologikal di kalangan guru dan motivasi kerja mereka. Keadaan ini turut menjejaskan perasaan, kewibawaan, status, emosi, sikap dan konsep sendiri terhadap lapangan perguruan.

Hakikatnya, guru ingin melaksanakan tugas mereka dengan sempurna dan memberikan sumbangan yang positif kepada murid-murid sekolah. Tugas guru akan dilaksanakan dengan sempurna apabila guru memiliki persepsi diri yang positif dengan pengalaman positif daripada situasi pendidikan itu sendiri.

### **Pernyataan Masalah**

Ahmad (1991) menyatakan kejayaan wawasan 2020 tidak dapat dipisahkan daripada pendidikan kerana kejayaan negara-negara maju hari ini dipengaruhi dan ditentukan oleh sistem pendidikannya. Oleh itu guru mempunyai tanggungjawab dan sumbangan yang besar terhadap kemajuan negara.

Tugas seorang guru di Malaysia hari ini kian mencabar dan bertambah rumit serta kompleks. Ini disebabkan keperluan sistem pendidikan yang berubah-ubah setiap masa dengan beban kerja yang bertambah. Faktor kerja yang semakin mencabar ini sedikit-sebanyak telah memberi tekanan kepada guru.

Dengan ini terdapat tanda menunjukkan ramai guru yang meninggalkan bidang perguruan. Ini dirasai mungkin berkaitan dengan masalah disiplin murid dan tekanan kerja sehingga menurunkan motivasi terhadap perkerjaan. Kedua faktor ini sangat besar pengaruhnya dalam perkhidmatan perguruan. Rusnah (1994) telah menyatakan adalah kurang tepat pendapat yang menyatakan bahawa keruntuhan akhlak dan kemerosotan

disiplin murid pada hari ini adalah berpunca daripada kecuaiannya para guru. Walaupun ada pendapat yang menyatakan bahawa guru tidak semestinya benar, kaedah mengajar dan peribadi guru mungkin menimbulkan tindakbalas yang negatif daripada para pelajar. Namun faktor tersebut hanya lima peratus sahaja berbanding dengan faktor pengaruh disiplin murid, sosial, ekonomi dan kemasyarakatan yang menyumbang masalah kepada guru.

Pendapat tersebut disokong oleh Syed Lutfi (1994) yang menyatakan di sebalik peranan dan tanggungjawab yang diharapkan oleh masyarakat, guru juga mempunyai hak ke atas masyarakat. Guru berhak mendapat perhatian yang wajar ketika memberi pengajaran di dalam bilik darjah dan pemikirannya perlu mendapat pertimbangan serta penghargaan. Sebagai manusia biasa, guru juga berhak mendapat ganjaran yang setimpal dengan tugas dan tanggungjawab berbanding dengan orang yang memegang jawatan lain.

Omar (1991) menyatakan corak masyarakat tentulah tidak lagi sama seperti yang kita lihat 30 tahun dahulu. Cara berfikir telah banyak berubah. Sikap dan etika juga telah banyak berubah dengan adanya pelbagai reformasi dan informasi baru. Segala bentuk perubahan juga turut mempengaruhi setiap generasi muda yang lebih mudah menerima perubahan serta ancaman yang mencengkam budaya berfikir dan tingkah laku.

Akibatnya pada hari ini banyak berlaku masalah disiplin murid-murid sekolah. Kerjasama daripada ibu bapa, masyarakat dan guru tidak berjalan dengan baik dan sempurna bagi membantu pembentukan disiplin murid. Segala faktor adalah di bawah bidang kuasa guru dan guru sebagai tempat untuk di persoalkan. Fenomena situasi kerja yang kurang menyokong juga merupakan faktor melemahkan minat perkhidmatan guru. Guru menjadi takut dan bimbang dengan masa depan mereka. Rusnah (1994) menyatakan



kebimbangan dirasakan apabila guru kurang diberi hak bersuara, pandangan dan hubungan kerjasama dengan pihak autoriti dalam menangani mutu perkhidmatan pendidikan.

Dalam kes ini guru menghadapi kesan psikologikal daripada pengaruh disiplin murid dan suasana kerja yang telah menjejaskan motivasi mereka. Persepsi guru sangat penting untuk mengetahui kebenaran dalam persoalan pengaruh tersebut melalui kes-kes yang dihadapi di sekolah.

Setakat ini tidak ada kajian kes yang mendalam tentang pengaruh disiplin murid dan suasana kerja terhadap motivasi kerja secara terperinci. Memandangkan pentingnya permasalahan pengaruh kes tersebut, adalah dirasakan perlu supaya satu kajian dijalankan untuk menjawab persoalan yang melibatkan, pengaruh disiplin murid dan suasana kerja terhadap motivasi kerja.

### **Objektif Kajian**

Secara amnya, objektif kajian ini ialah untuk mengumpul maklumat persepsi guru tentang pengaruh disiplin murid dan suasana kerja terhadap motivasi kerja mereka di sebuah sekolah menengah di Hulu Langat, Selangor.

Objektif khusus kajian ini ialah,

1. Untuk mengkaji persepsi guru lelaki dan guru perempuan tentang pengaruh tingkah laku negatif murid dan perhatian positif murid terhadap tugas mereka.
2. Untuk mengkaji persepsi guru lelaki dan guru perempuan tentang pengaruh suasana kerja terhadap tugas mereka.
3. Untuk mengkaji persepsi guru tentang hubungan di antara motivasi guru dengan tingkah laku negatif murid.